Utusan Borneo: 31.10.2026

Ugutan jenayah, penghantar makanan gagal bayar denda dipenjara enam bulan

SIBU: Seorang penghantar makanan dijatuhi hukuman denda RM5,000 oleh Mahkamah Majistret Sibu semalam atas pertuduhan melakukan ugutan jenayah terhadap seorang pelajar lelaki sebuah sekolah di sini, 2 Oktober lepas.

Tertuduh, Mohd Nashrulamin Abdullah, 29, bagaimanapun gagal membayar denda tersebut dan diperintah oleh Majistret Romario Jonoi menjalani hukuman penjara enam bulan.

Nashrulamin terdahulu didakwa melakukan ugutan jenayah terhadap seorang pelajar lelaki dengan niat hendak mencederakan mangsa di hentian bas di hadapan sebuah sekolah di Jalan Deshon pada 2 Oktober 2026, jam lebih kurang 11.40 pagi.

Oleh itu, tertuduh didakwa melakukan kesalahan di bawah Seksyen 503 Kanun Keseksaan dan dihukum di bawah Seksyen 506 kanun yang sama, yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Berdasarkan fakta kes, ketika pengadu datang ke sekolah untuk mengambil anaknya iaitu mangsa, dia dimaklumkan oleh anaknya bahawa seorang lelaki telah mencekek leher dan menarik bajunya.

Kejadian dipercayai disebabkan oleh anak pengadu dikatakan memandang muka lelaki terbabit yang juga tertuduh dengan pandangan yang sinis, menyebabkan tertuduh berasa tidak puas hati.

Selain itu, tertuduh juga mengugut hendak melanggar mangsa sekiranya dia bertemu dengan mangsa lagi.

Bertindak atas laporan yang dibuat oleh pengadu, tertuduh telah ditahan pada 27 Oktober 2026, jam lebih kurang 11.40 malam di perkarangan Balai Polis Sentral Sibu.

Siasatan yang dijalankan mendapati pada hari kejadian, tertuduh dikatakan duduk di atas motosikal berwarna biru berhampiran hentian bas terbabit.

Kejadian berlaku apabila tertuduh mendapati mangsa memandangnya dipercayai dengan pandangan sinis serta tidak hormat, sebelum memanggil mangsa untuk datang dekat padanya.

Tertuduh kemudian bertindak menarik baju mangsa dan menyebabkan leher mangsa tercekek.

Selepas itu, tertuduh juga mengugut akan melanggar mangsa dengan motosikal sekiranya mereka bertemu lagi.